

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN : Tuan Ahmad Marzuki bin Shaary minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah tindakan yang berkesan Kementerian dalam mengatasi kecetekan muara Sungai Kemasin yang dulunya menjadi tempat pendaratan utama ikan di kawasan Bachok. Berapakah kes kemalangan melibatkan bot nelayan akibat kecetekan dan anggaran kerugian semenjak tahun 2000 hingga kini.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Walau pun isu kecetekan muara sungai ini melibatkan nelayan, namun ia adalah merupakan isu di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar. Isu kecetekan muara Sungai Kemasin ini juga telah seringkali dibincangkan di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan Mesyuarat Pembangunan Pertanian Parlimen Kawasan Bachok, Kelantan. Pada Julai 2007, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan Projek Pelebaran Dan Pembinaan Semula Struktur Pemecah Ombak Termasuk

Kerja-Kerja *Beach Nourishment* Serta Mendalamkan Muara Sungai Kemasin Sehingga Ke Pengkalan Petah Di Bachok, Kelantan. Projek tersebut telah dijalankan secara berfasa di mana di dalam Fasa 1, ia melibatkan kerja-kerja mendalamkan muara Sungai Kemasin, membaikpulih pantai, kerja-kerja perlindungan tebing Sungai Kemasin, pembinaan jeti dan pembinaan groin. Kos keseluruhan projek berjumlah RM59,238,089 dengan kos perbelanjaan kerja-kerja mendalamkan muara Sungai Kemasin dianggarkan sebanyak RM6,435,000. Projek tersebut telah siap pada 30 Julai 2010.

Sejak tahun 2000 hingga kini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah merekodkan 5 kes kemalangan yang melibatkan kerugian sebanyak RM1,122,300 akibat kecetekan muara Sungai Kemasin. Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menyalurkan bantuan berjumlah RM5,000 kepada setiap nelayan yang terlibat dengan menggunakan peruntukan daripada Tabung Bencana Nelayan yang diwujudkan bermula pada tahun 2009 bagi meringankan beban nelayan. Kementerian berharap usaha untuk mendalamkan muara Sungai Kemasin ini dapat diberi perhatian oleh pihak berwajib.